

07/07/2005

Parlimen-Usul

DEWAN RAKYAT TOLAK USUL BINCANG ISU PROTON

KUALA LUMPUR, 7 Julai (Bernama) -- Dewan Rakyat hari ini menolak usul tergepang yang dibawa oleh Lim Kit Siang (DAP-Ipoh Timur) bagi membahaskan isu kritikan Ketua Pegawai Eksekutif Proton Holdings Bhd (Proton), Tengku Tan Sri Mahaleel Tengku Ariff berkaitan dasar automatif kerajaan yang menjejaskan kepentingan syarikat kereta nasional itu.

Speaker Dewan Rakyat, Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata walaupun usul itu adalah hal tertentu dan mempunyai kepentingan orang ramai, ia terpaksa ditolak kerana tidak perlu disegerakan.

"Saya menolak usul itu mengikut peraturan 18 (2). Pada fikiran saya ia tidak perlu disegerakan kerana isu Proton sudah dibangkitkan dan diberikan jawapan lengkap dalam persidangan Dewan Rakyat pada 21 Mac hingga 23 April lalu, dan 20 Jun hingga 6 Julai lalu dengan sembilan pertanyaan lisan serta tujuh soalan bertulis mengenai industri automatif," katanya pada persidangan Dewan Rakyat di sini.

Ramli berkata mengenai isu Permit Kelulusan (AP), sebanyak empat pertanyaan telah dijawab dan perkara itu turut dijelaskan dalam usul penangguhan oleh M. Kula Segaran (DAP-Ipoh Barat) pada 5 Julai lalu.

Katanya kerajaan masih mahu memastikan Proton terus wujud sebagai kereta nasional dan dapat berdaya saing.

"Dalam memenuhi komitmen ini, kerajaan sudah mengambil kira kemampuan Proton untuk berdaya saing dan meningkatkan kualiti keluarannya," katanya.

Semalam, Lim dalam notis usul tergepang yang dihantar kepada Ramli meminta Dewan Rakyat membincangkan usul mengenai tuduhan serius Tengku Mahaleel itu.

Pada 27 Jun lalu, ketika ditemubual oleh Oriental Daily, Tengku Mahaleel mendakwa Proton tidak diberikan layanan adil dalam dasar kerajaan yang tidak telus dan bersifat diskriminasi yang menyebabkan ia menjejaskan syarikat berkenaan.

Selasa lepas, bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, yang juga penasihat Proton, membangkitkan isu tumpuan pengeluaran AP kepada segelintir syarikat, dasar auto kerajaan dan juga kemasukan kereta-kereta asing pada harga yang amat rendah yang mengurangkan daya saing kereta nasional.

-- BERNAMA

MUN AZH